KONSTRUKSI KEPIMPINAN BERINTEGRITI MELAYU-ISLAM DALAM NARATIF LISAN LEMBANGAN SUNGAI PENGKALAN DATU: APLIKASI TEORI TAKMILAH

(THE CONSTRUCTION OF MALAY-ISLAMIC LEADERSHIP INTEGRITY IN THE ORAL NARRATIVE OF THE PENGKALAN DATU RIVER BASIN: AN APLICATION OF THE TAKMILAH THEORY)

YAACOB, M. F. C.[1*] – HUSIN, A. R. C.[1]

[1] *Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan, Kelantan, Malaysia.*

**Penulis penghubung*
e-mail: firdaus.cy[at]umk.edu.my

(Received 13th June 2026; revised 30th August 2026; accepted 17th September 2026)

Abstrak. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis konstruksi kepimpinan berintegriti berpaksikan jati diri Melayu-Islam dalam teks Seuntaian Naratif Lisan Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan. Dalam konteks masyarakat tradisional, naratif lisan berfungsi sebagai naskhah panduan yang memaparkan kriteria pemimpin ideal serta prinsip tadbir urus yang mampan. Fokus utama penelitian ini adalah untuk mengenal pasti ciri-ciri integriti dan tanggungjawab kepimpinan yang dimanifestasikan melalui watak-watak utama dalam naratif lisan tempatan. Bagi mencapai objektif tersebut, kajian ini menerapkan pendekatan kualitatif melalui kaedah analisis teks. Kerangka teori kajian disandarkan kepada Teori Takmilah yang dipelopori oleh Bakar, yang melihat sastera sebagai medium untuk mencapai kesempurnaan (Kamal) yang diredhai Allah SWT. Hasil kajian mendapati bahawa naratif lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu mengkonstruksikan model kepimpinan yang tidak hanya mementingkan aspek kepahlawanan fizikal, malah menekankan aspek integriti moral, keadilan, dan ketakwaan yang selari dengan prinsip Takmilah. Penemuan ini membuktikan bahawa kearifan tempatan dalam sastera lisan amat menekankan keseimbangan antara amanah kepada manusia dan kepatuhan kepada syariat. Implikasi kajian ini menunjukkan bahawa sastera lisan tradisional merupakan sumber rujukan yang relevan dalam membina acuan kepimpinan masa kini yang berintegriti tinggi dan berpaksikan nilai murni Melayu-Islam.
Katakunci: *konstruksi kepimpinan, integriti, Melayu-Islam, naratif lisan, teori Takmilah*

Abstract. This study aims to analyze the construction of leadership integrity centered on Malay-Islamic identity within the text Seuntaian Naratif Lisan Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan. In the context of traditional society, oral narratives function as a guiding framework that portrays the criteria of an ideal leader and the principles of sustainable governance. The primary focus of this research is to identify the characteristics of integrity and leadership responsibility manifested through the main characters in local folklore and legends. To achieve this objective, the study adopts a qualitative approach using the method of textual content analysis. The theoretical framework is grounded in the Takmilah Theory pioneered by Bakar, which views literature as a medium to achieve perfection (Kamal) pleasing to Allah SWT. The findings reveal that the oral narratives of the Pengkalan Datu River Basin construct a leadership model that emphasizes not only physical heroism but also moral integrity, justice, and piety, aligning with the principles of Takmilah. These findings prove that local wisdom in oral literature strongly emphasizes the balance between trustworthiness toward humanity and adherence to shari'ah. The implications of this study suggest that traditional oral literature serves as a relevant reference in building a contemporary leadership model of high integrity, rooted in noble Malay-Islamic values.
Keywords: *leadership construction, integrity, Malay-Islamic, oral narratives, Takmilah theory*

Pengenalan

Naratif lisan merupakan kaedah yang digunakan oleh masyarakat lampau untuk menyampaikan pesanan, pengajaran moral, atau nilai murni melalui hiburan melalui seorang penglipur lara (Rahman et al., 2021). Naratif lisan bukan sekadar fantasi, tetapi merupakan dokumen budaya yang menyimpan sistem nilai dan norma masyarakat setempat. Naratif lisan juga bertindak sebagai arkib sejarah bagi masyarakat yang tidak mempunyai tradisi tulisan yang formal pada awalnya. Penyataan ini ditegaskan lagi oleh Yaacob dan Tuan Adnan (2023) dengan menyifatkan naratif lisan sebagai satu bentuk penjelasan asal-usul nama tempat, sejarah pembukaan kampung, dan salasilah tokoh setempat. Ini memberikan komuniti rasa semangat kekitaan dan identiti yang kuat. Selain mampu menjadi satu kaedah pendidikan tidak formal untuk membentuk sahsiah masyarakat. Kanak-kanak diajar tentang nilai kejujuran, keberanian, dan akibat daripada sifat tamak atau derhaka menerusi watak-watak dalam cerita tersebut. Kepimpinan dalam peradaban Melayu bukan sekadar soal kuasa, malah ia merupakan amanah yang berpaksikan tunjang etika dan moral yang tinggi (Mohd Yusoff et al., 2021). Integriti menjadi nadi utama yang menghubungkan tanggungjawab pemimpin dengan kesejahteraan rakyat. Dalam konteks masyarakat Melayu-Islam, kepimpinan yang ideal sering kali digambarkan melalui kesepaduan antara sifat siddiq (benar), amanah, tabligh (menyampaikan), dan fatanah (bijaksana). Menurut Yaacob et al. (2024) kepimpinan Melayu-Islam ialah satu konsep kepimpinan yang unik kerana menggabungkan dua elemen besar iaitu nilai budaya atau adat Melayu dan syariat Islam. Ia adalah gaya kepimpinan yang meletakkan Islam sebagai panduan tertinggi dengan berfokuskan kepada akhlak dan hukum, sementara kebudayaan Melayu menjadi acuan cara hidup dan budi pekerti.

Secara umunya, konsep kepimpinan Melayu-Islam bukanlah sekadar satu teori pentadbiran, malah ia merupakan satu manifestasi jati diri yang meletakkan Islam sebagai roh dan budaya Melayu sebagai jasadnya. Apabila konsep ini diterjemahkan ke dalam naratif lisan, ia berubah menjadi sebuah "arkib nilai" yang merakamkan citra pemimpin ideal bagi masyarakat setempat. Naratif lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu bertindak sebagai wadah yang menyimpan kod-kod etika kepimpinan. Cerita-cerita tentang kebijaksanaan, keberanian, dan sifat amanah tokoh lampau bukan sekadar mitos, tetapi merupakan didaktik untuk membentuk standard integriti yang berpaksikan syariat Islam. Gabungan ini mencapai puncaknya melalui lensa Teori Takmilah. Naratif lisan mempamerkan proses bagaimana seorang pemimpin berusaha menyempurnakan akhlaknya demi mencapai keredaan Tuhan. Justeru, naratif lisan bukan sekadar teks sastera, tetapi merupakan dokumentasi konstruksi insan kamil (manusia sempurna) yang memimpin dengan berpandukan tauhid dan berteraskan budi pekerti Melayu yang tinggi.

Sorotan kajian lepas

Pada bahagian sorotan kajian lepas, pengkaji meneliti beberapa penyelidikan yang berfokuskan kepada naratif lisan di Malaysia. Antarannya penyelidikan yang diusahakan oleh Usman et al. (2014) bertajuk Mitos Harimau dalam Tradisi Lisan Masyarakat Kerinci di Jambi memperihalkan kedudukan naratif lisan sebagai sebuah genre kesusasteraan yang diwarisi secara turun-temurun melalui penyampaian dari mulut ke mulut dalam sesebuah komuniti. Kajian ini berpaksikan kepada premis bahawa sastera lisan merupakan dokumen budaya yang menyimpan sistem kepercayaan

masyarakat setempat, khususnya berkaitan dengan figura harimau yang dianggap sebagai entiti sakral. Sehubungan itu, kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk mengenal pasti serta membincangkan secara kritis signifikansi mitos harimau menerusi tradisi lisan di Jambi dengan membataskan fokus penelitian kepada dua naratif utama, iaitu Bujang Nunggal dan Puteri Harimau Pasemah. Bagi memastikan pemerolehan data yang komprehensif, pengkaji telah mengaplikasikan integrasi kaedah kepustakaan dan analisis teks sebagai prosedur utama penyelidikan. Hasil kajian merumuskan bahawa naratif lisan tersebut memikul peranan yang sangat penting sebagai instrumen kestabilan sosial, di mana ia berfungsi untuk mengharmonikan hubungan antara manusia dengan alam persekitaran. Penemuan ini turut membuktikan bahawa penerapan pesanan nenek moyang serta nilai-nilai tradisi dalam penceritaan tersebut bertindak sebagai panduan moral yang membentuk perilaku dan jati diri masyarakat Kerinci agar sentiasa menghormati akar budaya serta kearifan tempatan mereka.

Tajuk kajian Cerita Rakyat Orang Asal Sabah Sebagai Medium Pembelajaran Asas Literasi: Analisis Keperluan oleh Rahman et al. (2017). Naratif rakyat memiliki daya tarikan yang signifikan terhadap kanak-kanak hasil daripada kekuatan elemen kreatif dan imaginatif yang terkandung di dalamnya. Penggunaan bahan bacaan berteraskan sastera rakyat ini bukan sekadar berperanan sebagai medium hiburan, malah berupaya mencorakkan paradigma pemikiran, memperkukuh pembinaan konsep kendiri, serta membentuk personaliti dan kestabilan sosioemosi kanak-kanak secara holistik. Kajian ini bertujuan untuk memperoleh kesahan serta konsensus pakar mengenai kesesuaian naratif rakyat sebagai medium dalam modul pembelajaran asas literasi bagi kanak-kanak Orang Asal. Bagi merealisasikan matlamat tersebut, objektif utama kajian difokuskan kepada usaha mengenal pasti dan menyaring cerita rakyat yang paling relevan untuk diintegrasikan dalam aktiviti pembelajaran literasi buat kumpulan sasaran tersebut. Penyelidikan ini mengaplikasikan kaedah Fuzzy Delphi bagi memperoleh konsensus pakar terhadap kesesuaian naratif rakyat dalam pembangunan modul pembelajaran asas literasi. Kesepakatan tersebut dicapai menerusi instrumen soal selidik yang melibatkan 12 orang pakar yang memiliki kepakaran dan pengalaman melebihi 10 tahun dalam bidang pendidikan, sekali gus menjamin kredibiliti dapatan kajian. Hasilnya, kajian menunjukkan bahawa panel pakar telah mencapai konsensus mutlak terhadap pemilihan naratif rakyat bagi pembangunan modul pembelajaran asas literasi. Cerita-cerita tersebut dinilai bersesuaian kerana sarat dengan unsur tradisi dan manifestasi amalan masyarakat yang perlu dilestarikan demi mengukuhkan jati diri serta identiti generasi muda Orang Asal.

Kajian bertajuk Adaptasi Kesusasteraan Rakyat Cerita Jenaka Melayu dalam Karya Seni Cetakan Kontemporari oleh Rusli (2018) menegaskan bahawa naratif rakyat berfungsi sebagai medium kritikal bagi mendidik masyarakat tentang kepentingan keadilan sosial dalam kehidupan. Penyelidikan ini memfokuskan usaha untuk mengenal pasti serta menganalisis proses adaptasi cerita jenaka tradisional ke dalam naskhah seni kontemporari dengan membataskan skop kajian kepada tiga naratif utama, iaitu Lebai Malang, Si Luncai, dan Pak Pandir. Melalui pengaplikasian kaedah kepustakaan dan analisis teks yang rapi bagi memperkukuh data, kajian ini merumuskan bahawa cerita jenaka Melayu tetap berjaya memberikan impak yang signifikan terhadap kefahaman budaya masyarakat, meskipun telah diberikan nafas baharu dalam bentuk seni cetakan moden. Kajian yang bertajuk Citra Masyarakat dalam Naratif Lisan: Satu Pendekatan Teori Pengkaedahan Melayu oleh Mazlan et al. (2021). Naratif lisan merupakan warisan kolektif masyarakat yang disebarluaskan secara tradisi dari mulut ke mulut serta

diwarisi merentas generasi. Khazanah ini sarat dengan citra kehidupan dan manifestasi kebudayaan masyarakat Melayu yang luhur. Kajian ini memanfaatkan teks Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia selenggaraan Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqa Yusoff, dan Fatimah Abdul Nasir sebagai sumber data utama. Fokus penelitian diberikan kepada beberapa naratif lisan terpilih, antaranya termasuklah Lebai Malang, Kampung Rembau, Pemilihan Pengganti, Kalimah Bismillah, Burung Qaf Wau, Asal Usul Sungai Pinggan, Kota Kulit Kerang, dan Burung Rajawali. Kajian ini mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu sebagai kerangka deduktif bagi memperkukuh proses analisis serta kredibiliti dapatan kajian. Selari dengan pendekatan kualitatif, kajian ini memanfaatkan sepenuhnya kaedah kepustakaan dan analisis teks dalam mengumpul serta meneliti data. Hasilnya, naratif lisan merupakan refleksi realiti kehidupan masyarakat yang merangkumi dimensi sosial, kebudayaan, dan pegangan keagamaan. Citra masyarakat yang terpancar dalam naratif ini membuktikan bahawa nilai sosiobudaya yang diamalkan oleh generasi terdahulu tetap relevan dan terus dipraktikkan dalam kelestarian cara hidup masyarakat hingga ke hari ini.

Selain itu, penelitian yang dijalankan oleh Mohd Hanipah et al. (2021) menerusi makalah bertajuk Ritual dalam Cerita Rakyat di Mukim Bebar, Pekan, Pahang, Malaysia turut memberikan sumbangan penting dalam memahami fungsi sastera rakyat sebagai instrumen pendidikan akhlak bagi masyarakat jelata. Kajian ini berpaksikan kepada premis bahawa naratif lisan bukan sekadar hiburan kosong, malah merupakan wadah penyampaian nilai murni yang bertujuan untuk mendidik serta membentuk perilaku moral komuniti setempat. Secara khususnya, penyelidikan ini dilaksanakan untuk mengenal pasti dan membincangkan secara kritis unsur-unsur ritual yang tersirat di dalam naratif lisan yang dikumpul secara khusus di kawasan Mukim Bebar, Pekan, Pahang. Bagi menjamin kesahihan dan keperincian data, kajian ini mengaplikasikan metodologi kualitatif yang menggabungkan kaedah kepustakaan bersama teknik temu bual secara mendalam dengan informan utama yang merupakan penyimpan khazanah lisan di kawasan tersebut. Hasil kajian mendedahkan bahawa keberadaan pelbagai amalan ritual dalam naratif rakyat di Mukim Bebar bukan sahaja berfungsi sebagai elemen penceritaan, malah bertindak sebagai refleksi jati diri dan sistem kepercayaan kolektif yang unik. Penemuan ini secara tidak langsung membuktikan bahawa naratif lisan berupaya menjadi dokumen sosial yang merakamkan identiti kelompok serta kearifan tempatan yang masih dihayati oleh masyarakat sehingga kini.

Pengamatan terhadap dinamika naratif lisan diperkukuhkan lagi menerusi kajian bertajuk Genius Naratif dan Genius Pemikiran dalam dua Karya Sastera Lisan Melayu oleh Ridhwan (2021). Naratif lisan dalam konteks ini dilihat sebagai wahana penyampaian yang sarat dengan kearifan tempatan, di mana kaedah pertuturan digunakan oleh golongan penglipur lara untuk menyalurkan amanat dan falsafah hidup yang mendalam. Sehubungan itu, penyelidikan ini dilaksanakan bertujuan untuk mengenal pasti serta menganalisis secara kritis unsur 'genius' dalam aspek struktur naratif dan pola pemikiran yang terkandung di dalam karya sastera lisan Melayu terpilih. Dengan membataskan skop penelitian kepada dua naskhah hikayat agung, iaitu Hikayat Malim Dewa dan Hikayat Anggun Che Tunggal, pengkaji telah mengaplikasikan metodologi kualitatif yang berteraskan kaedah kepustakaan dan analisis teks secara tuntas bagi merumuskan dapatan. Hasil kajian secara signifikan membuktikan bahawa naratif lisan bukan sekadar sebuah penceritaan tradisional, malah merupakan manifestasi kebijaksanaan intelek yang mampu mendidik masyarakat agar sentiasa menghargai dan melestarikan kesusasteraan Melayu. Penemuan ini turut

memperkukuh kedudukan sastera rakyat sebagai asas fundamental dalam sistem pendidikan akhlak tempatan yang merentasi zaman.

Secara tuntasnya, sorotan kajian lepas membuktikan bahawa bidang naratif lisan merupakan subjek yang dinamik dan sentiasa relevan dalam dunia kesarjanaan sastera. Peneliti terdahulu telah mengupas subjek ini menerusi pelbagai dimensi, bermula daripada analisis mitos dan kepercayaan masyarakat, fungsi didaktik dalam literasi, adaptasi ke dalam seni kontemporari, sehinggalah kepada penelitian terhadap genius pemikiran Melayu. Walau bagaimanapun, analisis terhadap kajian-kajian ini mendedahkan masih wujud ruang yang luas untuk diterokai, khususnya dalam konteks kepimpinan Melayu-Islam yang bersifat tempatan. Kebanyakan kajian sedia ada cenderung melihat naratif lisan sebagai entiti sosiobudaya atau bahan pendidikan literasi secara umum, tanpa membedah secara mendalam intipati kerohanian yang membentuk jati diri masyarakat di kawasan geografi yang spesifik. Selain itu, penggunaan Teori Takmilah bagi meneliti naratif lisan khususnya di Lembangan Sungai Pengkalan Datu didapati masih belum diterokai secara tuntas oleh para sarjana. Kekosongan ini menjadi justifikasi utama kepada pelaksanaan kajian ini.

Penyataan masalah

Berdasarkan sorotan kajian lepas di atas, pengkaji mendapati para sarjana telah meneliti naratif lisan dalam pelbagai aspek. Antaranya ialah Mitos Harimau dalam Tradisi Lisan Masyarakat Kerinci di Jambi oleh Usman et al. (2014), Cerita Rakyat Orang Asal Sabah Sebagai Medium Pembelajaran Asas Literasi: Analisis Keperluan oleh Rahman et al. (2017), Adaptasi Kesusasteraan Rakyat Cerita Jenaka Melayu dalam Karya Seni Cetakan Kontemporari oleh Rusli (2018), Citra Masyarakat dalam Naratif Lisan: Satu Pendekatan Teori Pengkaedahan Melayu oleh Mazlan et al. (2021), Ritual dalam Cerita Rakyat di Mukim Bebar, Pekan, Pahang, Malaysia oleh Mohd Hanipah et al. (2021) dan Genius Naratif dan Genius Pemikiran dalam dua Karya Sastera Lisan Melayu oleh Ridhwan (2021). Kebanyakan kajian terdahulu lebih tertumpu kepada naratif lisan yang bersifat umum atau berlatarbelakangkan wilayah geografi yang luas. Masih wujud kekurangan kajian yang memberikan fokus secara mikro dan mendalam terhadap seuntaian naratif lisan yang khusus di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan. Kawasan ini mempunyai ekosistem budaya yang unik di mana elemen sungai, sejarah tempatan, dan institusi pondok saling bertautan, namun khazanah lisannya masih belum didokumentasikan dan dianalisis secara tuntas. Jika perkara ini dibiarkan, dikhuatiri kearifan tempatan dan naratif sejarah yang membentuk identiti masyarakat Pengkalan Datu akan terkubur tanpa sempat diwariskan kepada generasi akan datang. Penelitian sedia ada banyak menggunakan pendekatan sosiologi, sastera tradisional, atau Teori Pengkaedahan Melayu. Walau bagaimanapun, analisis yang menghubungkan naratif lisan dengan Nilai Spiritual menerusi Teori Takmilah khususnya dalam konteks Prinsip Kerasulan bersifat Kamil masih belum diterokai secara meluas di Lembangan Sungai Pengkalan Datu. Tanpa penelitian berasaskan kerangka ini, dimensi konstruksi kepimpinan Melayu-Islam yang terkandung dalam naratif tersebut gagal diketengahkan sebagai ejen penyempurnaan akhlak dan pengukuhan tauhid. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan untuk merapatkan jurang tersebut dengan memfokuskan kepada analisis nilai spiritual dalam naskhah Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan. Penyelidikan ini penting bagi membuktikan bahawa naratif lisan setempat bukan sekadar hiburan rakyat, malah merupakan manifestasi Insan Kamil yang berupaya menjadi tunjang identiti dan jati diri masyarakat Melayu-Islam yang syumul.

Batasan kajian

Dalam menentukan skop dan batasan kajian, pengkaji telah memberikan tumpuan khusus kepada analisis terhadap tiga buah naratif lisan terpilih, iaitu Kemasyhuran Pantai Pengkalan Datu, Tengku Mahmud Muhiyuddin dan Nik Mat Keturunan Raja Banjar. Ketiga-tiga naratif ini bersumberkan naskhah Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan hasil karya Yaacob (2021) yang diterbitkan oleh UMK Press. Pemilihan naratif ini adalah bertujuan untuk meneroka secara mendalam kepimpinan berintegriti Melayu-Islam yang tersirat dalam penceritaan rakyat di wilayah tersebut. Bagi memperkukuh kerangka analisis, penelitian ini mengaplikasikan Teori Takmilah yang digagaskan oleh Bakar (1996). Penerapan teori ini adalah signifikan bagi meneliti corak pemikiran dan ideologi manusia yang sentiasa bertali arus dalam usaha mencapai tahap kesempurnaan diri melalui kacamata Islam. Hal ini membolehkan pengkaji merumuskan bagaimana naratif lisan berfungsi sebagai wasilah untuk memanifestasikan sifat Kamal (Sempurna) Allah SWT dalam perilaku dan jati diri masyarakat Melayu-Islam di Lembangan Sungai Pengkalan Datu.

Instrumen dan Metod Kajian

Penyelidikan ini mengaplikasikan reka bentuk kualitatif yang bersifat deskriptif dan analitikal. Pendekatan kualitatif dipilih kerana keupayaannya untuk merangkaikan makna tersirat serta memahami fenomena budaya dan spiritual secara mendalam. Reka bentuk ini dilaksanakan menerusi integrasi dua kaedah utama, iaitu kajian kepustakaan dan analisis teks. Kaedah kepustakaan merupakan fasa fundamental yang berfungsi sebagai landasan teoretikal dan pengumpulan maklumat latar belakang kajian. Melalui prosedur ini, pengkaji telah melakukan sorotan kajian lepas yang komprehensif terhadap pelbagai bahan ilmiah berautoriti, merangkumi buku rujukan, jurnal akademik, kertas kerja seminar, tesis, serta sumber digital yang sahih. Proses pengumpulan maklumat ini dijalankan secara berpusat di beberapa institusi ilmu utama, antaranya termasuklah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Perpustakaan Awam Negeri Kelantan dan Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan. Rujukan silang terhadap bahan-bahan tersebut adalah kritikal bagi membina definisi operasional, mengukuhkan kerangka teori, serta memastikan kajian ini mempunyai sandaran akademik yang kukuh. Kedua, kaedah analisis teks diangkat sebagai prosedur primer untuk mengekstraksi data yang autentik daripada bahan kajian. Sumber data utama penyelidikan ini adalah naskhah berjudul Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan hasil karya Yaacob (2021) terbitan UMK Press. Bagi meneliti konsep kepimpinan Melayu-Islam, pengkaji telah menggunakan teknik persampelan bertujuan dengan memilih tiga buah naratif lisan yang representatif, iaitu Kemasyhuran Pantai Pengkalan Datu, Tengku Mahmud Muhiyuddin dan Nik Mat Keturunan Raja Banjar. Analisis dilakukan terhadap setiap unit naratif, merangkumi plot, watak, dan dialog, bagi mengenal pasti manifestasi konsep kepimpinan yang selari dengan tradisi intelektual Islam. Bagi memperkukuh analisis dan memberikan interpretasi yang tuntas, kajian ini mengaplikasikan Teori Takmilah yang digagaskan oleh Bakar (1996). Prinsip ini dipilih memandangkan sifat Kamal Allah SWT menjadi paksi utama dalam memahami kedudukan manusia sebagai khalifah-Nya di muka bumi. Menerusi lensa ini, pengkaji akan menghuraikan bagaimana elemen "kepimpinan" dalam naratif tersebut mencerminkan usaha manusia

menuju kesempurnaan diri dan penyucian jiwa, sekali gus memanifestasikan keagungan Pencipta dalam struktur sastera lisan tempatan.

Teori Takmilah

Penyelidikan ini berpaksikan kepada Teori Takmilah gagasan Bakar (1996), iaitu sebuah kerangka sastera Islam yang bersifat holistik, bersepadu, dan bertunjangkan paradigma tauhid. Teori ini meletakkan prinsip ketauhidan sebagai paksi fundamental, di mana setiap naskhah sastera diiktiraf sebagai wasilah spiritual untuk membimbing manusia menuju ke arah kesempurnaan (Kamal) Allah SWT. Secara spesifik, analisis ini mengaplikasikan Prinsip Kerasulan sebagai Syarat Kamil bagi membedah watak dan perwatakan dalam naratif lisan. Prinsip ini menuntut agar representasi watak memanifestasikan sifat-sifat mulia para rasul iaitu Siddiq, Amanah, Tabligh, dan Fatanah sebagai kayu ukur utama dalam pembentukan Insan Kamil atau manusia yang mencapai puncak kesempurnaan akhlak. Pemilihan Teori Takmilah dilihat sangat signifikan dalam konteks naratif lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu kerana keupayaannya menyatupadukan aspek estetika sastera dengan kedalaman nilai spiritual. Teori ini melampaui penilaian terhadap keindahan luaran teks semata-mata, sebaliknya menggali dimensi makna batiniah yang berupaya menyucikan jiwa (tazkiyah al-nafs) audiens. Menerusi lensa Takmilah, setiap unsur naratif didekonstruksi secara kritis bagi menilai sejauh mana ia memenuhi kriteria kesempurnaan sastera Islam. Secara tuntasnya, Teori Takmilah berfungsi sebagai jambatan intelektual yang menghubungkan kearifan tempatan dengan nilai ketuhanan yang syumul, sekali gus membuktikan bahawa sastera rakyat Melayu merupakan manifestasi luhur terhadap usaha manusia mencari keredaan Ilahi dan mencapai martabat kesempurnaan insan.

Dapatan dan Perbincangan Kajian

Konstruksi kepimpinan berintergriti Melayu-Islam dalam teks Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan

Pada bahagian ini, pengkaji akan meneliti konsep kepimpinan intergriti Melayu-Islam dalam teks Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan. Melalui teks ini, pengkaji terdapat beberapa aspek kepimpinan berintergriti Melayu-Islam iaitu bertanggungjawab, adil, berbudi pekerti dan bermuafakat. Menurut Supriadi (2014) kepimpinan secara umumnya ditakrifkan sebagai proses atau keupayaan untuk mempengaruhi, memotivasi, dan mengarahkan individu atau kumpulan ke arah pencapaian matlamat tertentu. Ia juga melibatkan keupayaan meyakinkan orang lain tanpa paksaan dengan menggunakan pujukan atau inspirasi. Maka, disini akan wujud hubungan dua hala antara pemimpin dengan orang yang dipimpin. Penyataan ini disokong oleh Ridhwan (2021) kepimpinan ialah satu usaha yang dilakukan bertujuan untuk mencapai satu objektif atau kecemerlangan organisasi yang telah ditetapkan. Maka, individu yang berada di atas organisasi akan menggunakan kekuatan untuk meyakinkan orang lain bekerja keras dan kemahiran membantu mereka mencapainya.

Bertanggungjawab

Bertanggungjawab adalah satu sikap atau nilai murni di mana seseorang itu sedia memikul tugas dan menerima segala kesan sama ada baik atau buruk daripada tindakan, keputusan, atau kegagalan yang dilakukan (Awang Pawi, 2021). Hal ini jelas apabila

seseorang itu bersedia memikul tanggungjawab, atau sesuatu yang harus dilaksanakan. Oleh itu, individu itu akan berusaha melaksanakan tugasan yang diberikan dengan jujur dan mengikut prosedur. Penyataan ini disokong oleh Hamzah (2022) sikap bertanggungjawab merangkumi kesedaran manusia akan tingkah laku atau perbuatannya yang disengajakan mahupun tidak disengajakan. Hal ini jelas apabila individu bersedia menanggung apa-apa risiko atas setiap tindakannya. Tajuk cerita Kemasyhuran Pantai Pengkalan Datu memaparkan aspek bertanggungjawab. Aspek ini diperincikan seperti petikan di bawah:

Petikan 1
Siang berganti malam hal itu telah difikirkan oleh Puteri Saadong. Sehinggakan baginda tidak selera untuk menjamah makanan. Kekusutan itu menyebabkan Puteri Saadong ini hiba memikirkannya. Para pembesar merasa susah hati dengan sikap baginda Puteri Saadong ini. "Apakah yang harus dilakukan oleh beta untuk membangunkan Pantai Pengkalan Datu seperti pelabuhan lain?" keluh baginda di jendela istana.

(Yaacob, 2021)

Petikan ini mengisahkan tentang Puteri Saadong yang sedang mengalami konflik dalaman dan kegelisahan yang mendalam. Baginda terlalu memikirkan tentang masa depan negerinya sehingga hilang selera makan dan sering merasa hiba. Kebimbangan baginda turut dirasai oleh para pembesar istana yang mula bimbang melihat keadaan kesihatan dan emosi baginda. Punca utama kekusutan fikiran Puteri Saadong adalah keinginan dan tanggungjawabnya untuk mencari jalan bagi membangunkan Pantai Pengkalan Datu supaya dapat berfungsi sebagai sebuah pelabuhan yang maju, setanding dengan pelabuhan-pelabuhan besar yang lain. Seterusnya, cerita Tengku Mahmud Muhiyuddin juga memaparkan konsep bertanggungjawab. Konsep ini diterangkan seperti mana petikan di bawah:

Petikan 2
Oleh kerana itu, pihak British telah menjadikan kerajaan Patani sebagai tawanan dan dijadikan sebagai benteng perlindungan daripada serangan Jepun pada ketika itu. Perbuatan British telah membuatkan Raja Patani hilang kuasa pentadbiran ke atas kerajaannya. Hal ini telah membuatkan Raja Patani membuat rundingan untuk melakukan pengeboman ke atas Jepun. Hal ini kerana tiada sesiapa sanggup menggemudi jet pejuang untuk tujuan pengeboman. Raja Patani meletakkan syarat supaya takhta kerajaan Patani dikembalikan kepadanya.

(Yaacob, 2021)

Petikan ini mengisahkan tentang kerugian kedaulatan Kerajaan Patani akibat tindakan pihak British yang menjadikan wilayah tersebut sebagai tawanan dan benteng pertahanan bagi menyekat serangan tentera Jepun. Akibatnya, Raja Patani telah kehilangan kuasa pemerintahan sepenuhnya ke atas negerinya sendiri. Demi menuntut semula takhta dan hak pentadbiran, Raja Patani terpaksa mengadakan rundingan sulit untuk melancarkan serangan bom ke atas kedudukan Jepun. Tugasan berbahaya ini dipikul sendiri oleh baginda memandangkan tiada pihak lain yang berani mengendalikan jet pejuang untuk misi tersebut. Keberanian ini dilakukan dengan syarat utama agar takhta kerajaan Patani dikembalikan semula kepada baginda setelah misi

berjaya. Teori Takmilah yang diasaskan oleh Bakar (1996) menekankan konsep kesempurnaan yang berteraskan tauhid. Dalam sastera, teori ini melihat karya sebagai satu proses menyempurnakan diri manusia dan hubungannya dengan Tuhan serta alam. Prinsip ini merujuk kepada usaha pengarang untuk menyempurnakan diri melalui penciptaan watak yang memiliki nilai moral tinggi. Melalui watak Puteri Saadong, pengkarya menonjolkan sifat bertanggungjawab dan amanah. Kegelisahan baginda yang sehingga "tidak selera menjamah makanan" menunjukkan satu proses penyucian jiwa seorang pemimpin yang tidak mementingkan diri, sebaliknya mengutamakan kebajikan rakyat dan kemajuan negeri. Selain itu, melalui cerita kedua, pengarang cuba menyampaikan mesej moral tentang harga sebuah kedaulatan. Dengan mengetengahkan isu kehilangan kuasa akibat penjajahan British, pengarang mengajak pembaca berfikir tentang keadilan dan maruah. Tindakan memaparkan Raja Patani yang berunding untuk menuntut takhta menunjukkan usaha pengarang untuk menyempurnakan pemikiran pembaca agar menghargai kebebasan tanah air sebagai satu amanah Tuhan yang perlu dipertahankan.

Adil

Adil bermaksud meletakkan sesuatu pada tempatnya yang betul atau memberikan hak kepada mereka yang berhak menerimanya (Hassan dan Mohd. Isa, 2014). Adil merangkumi keadaan di mana seseorang itu tidak melampaui batas dan bertindak mengikut kebenaran. Setiap tindakannya memperjuangkan kebenaran tanpa berpihak kepada mana-mana individu. Maka, setiap keputusan yang diperoleh adalah munasabah dan saksama bagi semua pihak. Penyataan ini disokong oleh Lubis dan Azman (2021) adil melibatkan sikap tidak berat sebelah atau tidak memihak kepada mana-mana pihak secara melulu. Sikap ini terserlah apabila individu mampu memberikan layanan atau keputusan yang berdasarkan pertimbangan yang objektif dan jujur. Sikap adil mampu dilihat dalam tajuk cerita Nik Mat Keturunan Raja Banjar. Konsep ini dijelaskan seperti petikan di bawah:

> Petikan 3
> *Terdapat suatu ketika, seorang rakyatnya telah datang menemui baginda sewaktu baginda sedang bersemayam di istana untuk menceritakan permasalahan yang telah berlaku terhadap dirinya. Baginda telah mendengar sedaya upaya akan permasalahan yang dibicarakan. Baginda telah meminta datuk bendahara untuk membantu menguruskan permasalahan yang di bawa oleh rakyat tersebut.*
>
> (Yaacob, 2021)

Pada suatu masa yang lampau, ketika baginda raja sedang bersemayam dengan penuh kemuliaan di atas singgahsana istana, telah datang seorang rakyat jelata untuk menghadap dan mempersembahkan sembah. Tujuan kedatangan rakyat tersebut adalah untuk menceritakan segala keresahan serta permasalahan besar yang sedang melanda kehidupannya dengan penuh harapan agar mendapat pembelaan. Mendengarkan rintihan tersebut, baginda raja yang amat prihatin telah menumpukan sepenuh perhatian dan mendengar setiap butir bicara permasalahan itu dengan penuh teliti. Sebagai bukti keadilan dan keprihatinan baginda terhadap kebajikan rakyat, baginda kemudiannya menitahkan Datuk Bendahara untuk segera turun padang dan menguruskan segala kesulitan yang dibawa oleh rakyat tersebut agar dapat diselesaikan dengan sebaik-baiknya. Teori Takmilah gagasan Bakar (1996) menerusi prinsip akmal menekankan

konsep kesempurnaan yang berteraskan nilai-nilai Islam dan hubungan antara makhluk dengan Pencipta serta sesama manusia. Prinsip ini menekankan bahawa Islam adalah agama yang syumul (lengkap), merangkumi aspek ibadah dan muamalah (hubungan sesama manusia). Proses rakyat datang mengadu dan raja membantu menguruskan masalah tersebut menggambarkan konsep Habl min al-Nas (hubungan sesama manusia). Keadilan sosial yang ditunjukkan dalam petikan ini merupakan cabang daripada kesempurnaan Islam yang menuntut pembelaan terhadap golongan yang lemah atau yang dalam kesulitan. Teori Takmilah menunjukkan bahawa petikan ini bukan sekadar cerita tentang raja dan rakyat, tetapi sebuah manifestasi tanggungjawab tauhid di mana setiap watak memainkan peranan untuk mencapai kesempurnaan dalam kehidupan bermasyarakat berlandaskan syariat Islam.

Berbudi pekerti

Berbudi pekerti bermaksud memiliki tingkah laku, perwatakan, dan akhlak yang baik serta mulia. Ia bukan sekadar sopan pada luaran, tetapi mencerminkan kebaikan hati seseorang (Supriadi, 2014). Berbudi pekerti membawa maksud individu yang menggunakan akal dan hatinya untuk bertindak dengan cara yang murni. Seseorang yang berbudi pekerti biasanya mengamalkan nilai-nilai bersopan-santun, rendah diri, menghormati orang lain dan amanah serta jujur dalam setiap perbuatan. Menurut Awang Pawi (2021) orang yang berbudi pekerti akan menggunakan bahasa yang lembut dan menjaga adab. Individu sebegini tidak sombong walaupun mempunyai kedudukan tinggi. Mereka sentiasa akan berusaha untuk menghargai orang tanpa mengira status sosial. Tajuk cerita Kemasyhuran Pantai Pengkalan Datu memaparkan konsep berbudi pekerti. Konsep ini diterangkan seperti petikan di bawah:

Petikan 4
Pedagang-pedagang yang datang tidak melakukan perkara yang mendatangkan marah kepada masyarakat setempat. Mereka datang untuk berdagang secara rukun dan damai. Namun, aktiviti perdagangan ini berlaku sepesat negeri-negeri lain.
(Yaacob, 2021)

Pada zaman kegemilangan perdagangan masa lalu, para pedagang dari pelbagai pelosok dunia telah datang berlabuh untuk menjalankan urusan perniagaan dengan penuh tertib dan berhemah. Mereka sangat menjaga tutur bicara dan tingkah laku agar tidak mengguris hati mahupun mendatangkan kemarahan kepada penduduk tempatan, sekali gus memastikan keharmonian sosial tetap terpelihara. Semangat perdagangan yang berpaksikan kerukunan dan kedamaian ini menjadi teras utama dalam setiap urusan jual beli yang dijalankan. Walaupun mereka tidak menggunakan kekerasan atau tekanan dalam bersaing, keajaiban berlaku apabila aktiviti ekonomi di negeri tersebut berkembang dengan begitu luar biasa dan pesat, sehingga kemajuannya mampu menandingi kemasyhuran negeri-negeri besar yang lain di rantau ini. Selain itu, cerita Nik Mat Keturunan Raja Banjar juga menyampaikan konsep berbudi pekerti. Konsep ini diterangkan seperti mana petikan di bawah:

Petikan 5
Walau bagaimanapun, Raja Jembal ini kurang senang apabila masyarakat setempat terlalu menghormatinya sehinggakan membahasakan diri dengan panggilan patik dan hamba. Hal ini kerana baginda merasakan baginda telah menghina golongan

rakyat. Lalu baginda menukarkan namanya kepada Nik Mat Alim. Baginda telah mengikuti cara kehidipan rakyat jelata. Baginda adalah seorang yang sangat merendah diri apabila bercakap dengan masyarakat.

(Yaacob, 2021)

Kisah ini memaparkan keunikan jiwa seorang pemerintah yang dikenali sebagai Raja Jembal, yang memiliki sifat rendah diri yang luar biasa terhadap rakyat baginda. Baginda berasa sangat tidak selesa dan terbeban apabila masyarakat setempat memberikan penghormatan yang terlalu tinggi kepadanya, terutamanya melalui penggunaan gelaran seperti "patik" dan "hamba" dalam perbualan. Bagi baginda, jurang protokol tersebut seolah-olah menghina martabat rakyat sebagai sesama manusia. Demi meruntuhkan tembok pemisah tersebut, baginda mengambil keputusan drastik dengan menukar identiti diraja baginda kepada nama Nik Mat Alim. Dengan identiti baharu itu, baginda memilih untuk meninggalkan kemewahan istana dan mengamalkan cara hidup rakyat jelata, sekali gus membuktikan sifat tawaduk baginda melalui tutur kata yang lembut dan penuh hormat ketika berinteraksi dengan masyarakat tanpa sebarang darjat. Pengaplikasian Teori Takmilah oleh Bakar (1996) menerusi prinsip akmal memfokuskan kepada aspek kesempurnaan akhlak, hubungan kemanusiaan, dan penyucian jiwa. Segala perbuatan manusia haruslah menuju ke arah pengabdian kepada Allah. Keinginan pedagang untuk berdagang secara "rukun dan damai" tanpa menimbulkan kemarahan mencerminkan prinsip mencari rezeki yang berkat. Ini menunjukkan aktiviti ekonomi bukan sekadar mengejar keuntungan, tetapi satu ibadah yang tertakluk kepada hukum Tuhan. Manakala, cerita kedua menjelaskan tindakan watak baginda menukar nama kepada Nik Mat Alim adalah usaha untuk menghapuskan sifat takabbur dan mengejar sifat kamal (sempurna) di sisi Allah, di mana kemuliaan manusia tidak terletak pada darjat, tetapi pada ketakwaan.

Bermuafakat

Menurut Hamzah (2022) muafakat bermaksud persetujuan bersama atau kata sepakat yang dicapai melalui perundingan atau mesyuarat. Ia merujuk kepada keadaan di mana semua pihak bersetuju untuk melakukan sesuatu perkara demi kepentingan bersama. Oleh itu, setiap keputusan tidak dibuat secara bersendirian tetapi melalui proses berbincang dan mendengar pendapat orang lain. Manakala, Yaacob dan Tuan Adnan (2023) berpendapat muafakat ialah tiada rasa paksaan dalam mencapai keputusan dan semua pihak berpuas hati dengan hasil perbincangan. Ia bagi mencapai kebaikan bagi seluruh komuniti, bukan untuk kepentingan individu. Tajuk cerita Kemasyhuran Pantai Pengkalan Datu memaparkan konsep bermuafakat. Konsep ini dijelaskan seperti petikan di bawah:

Petikan 6

Sewaktu di hadapan para pembesar, baginda telah bertitah "Wahai para pembesar beta, beta merasakan telah menemui jalan bagaimana hendak memuluhkan perdagangan di Pantai Pengkalan Datu. Beta rasa beta mahu mengadakan aktiviti jualan di atas kapal sahaja." Ia telah membuatkan para pembesar berpandangan sesama sendiri. Walaupun merasa cadangan itu tidak bernas namun dituruti segala perintah baginda.

(Yaacob, 2021)

Dalam sebuah pertemuan rasmi bersama barisan kepimpinan negeri, Baginda Raja secara tiba-tiba menzahirkan sebuah visi luar biasa demi menghidupkan kembali kegemilangan perdagangan di Pantai Pengkalan Datu yang kian malap. Baginda dengan penuh yakin menitahkan agar aktiviti jual beli tidak lagi dilakukan di daratan, sebaliknya dipindahkan sepenuhnya ke atas kapal-kapal yang berlabuh. Cadangan yang tidak diduga itu mencetuskan suasana janggal sehingga para pembesar saling berpandangan, menyedari betapa berisiko dan tidak praktikalnya idea tersebut. Walau bagaimanapun, disebabkan rasa hormat dan taat setia yang tidak berbelah bahagi, segala keraguan itu dipendamkan begitu sahaja, dan mereka akhirnya akur untuk melaksanakan perintah Baginda demi menjunjung titah. Pengpalikasian Teori Takmilah oleh Bakar (1996) menerusi prinsip estetik menekankan keindahan bukan sahaja pada bahasa, tetapi pada makna dan mesej yang disampaikan. Keindahan dalam petikan ini terletak pada nilai musyawarah dan adab. Baginda memulakan titah dengan panggilan "Wahai para pembesar beta," yang menunjukkan adab seorang raja terhadap pegawainya. Walaupun terdapat konflik dalaman (pembesar berpandangan sesama sendiri), keputusan akhir untuk patuh menunjukkan keindahan dalam susunan hierarki dan keharmonian sosial.

Kesimpulan

Secara tuntasnya, naratif lisan bukan sekadar sebuah bentuk hiburan atau rakaman sejarah masa lampau, malah ia merupakan instrumen didaktik yang kritikal dalam membentuk jati diri masyarakat dan sistem nilai kepimpinan Melayu-Islam. Naratif lisan berfungsi sebagai medium kelangsungan budaya dan pegangan moral. Melalui cerita rakyat, legenda, dan hikayat, nilai-nilai murni seperti ketaatan, adab, dan semangat bermasyarakat disalurkan secara turun-temurun. Ia bertindak sebagai "cermin masyarakat" yang membina kesedaran tentang identiti bangsa dan kepercayaan agama yang sebati dalam kehidupan seharian. Dalam institusi kepimpinan, naratif lisan menjadi panduan diplomasi dan tadbir urus. Petikan seperti titah raja dan reaksi pembesar menggambarkan betapa pentingnya konsep ulul amri dan amanah dalam memacu ekonomi serta kebajikan rakyat. Ia menekankan bahawa kepimpinan yang efektif dalam kerangka Melayu-Islam mestilah berteraskan kebijaksanaan, kedaulatan yang dihormati, dan harmoni antara pemerintah serta pentadbir. Naratif lisan adalah nadi intelektual yang memastikan falsafah hidup masyarakat dan kedaulatan institusi kepimpinan Melayu-Islam kekal relevan, kukuh, dan terpelihara merentasi zaman.

Penghargaan

Kajian ini dibiayai oleh pengarang.

Konflik Kepentingan

Pengarang mengesahkan bahawa tiada konflik kepentingan melibatkan mana-mana pihak dalam kajian penyelidikan ini.

RUJUKAN

[1] Awang Pawi, A.A. (2021): Hikayat Panglima Nikosa: Transformasi sosial dalam Magnum Opus Borneo: Teks dan konteks. – Jurnal Antarabangsa Pengajian Kepulauan Melayu 1(1): 1-13.
[2] Bakar, S.A. (1996): Takmilah: Teori, falsafah dan prinsip. – Dewan Sastera 9p.
[3] Hamzah, A.W. (2022): Globalisasi dan cabaran budaya di Malaysia. – Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negara, Kuala Lumpur 104p.
[4] Hassan, F., Mohd. Isa, H. (2014): Mitos dan legenda sebagai produk pelancongan di Malaysia: Kajian kes Lembah Lenggong. – Geografia: Malaysian Journal of Society and Space 10(5): 168-179.
[5] Lubis, F.A., Azman, N.F. (2021): Aspek akhlak berdasarkan konsep pembangunan insan dalam Travelog Pelukis Jalanan dan Arkitek Jalanan karya Teme Abdullah. – Malay Literature 34(2): 281-314.
[6] Mazlan, N.S., Che Yaacob, M.F., Abdillah, N. (2021): Citra masyarakat dalam naratif lisan: Satu pendekatan Teori Pengkaedahan Melayu. – Journal of Business and Social Development 9(2): 93-106.
[7] Mohd Hanipah, N., Daeng Jamal, D.H., Abdillah, N. (2021): Ritual dalam cerita rakyat di Mukim Bebar, Pekan, Pahang, Malaysia. – International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT) 9(1): 18-29.
[8] Mohd Yusoff, M.Y., Mansor, S., Harun, K., Abd Razak, M.R. (2021): Masyarakat Orang Asli Jakun di Rompin, Pahang: Kajian terhadap pemuliharaan cerita lisan. – Geografia: Malaysian Journal of Society and Space 17(2): 355-365.
[9] Rahman, M.N.A., Abdul Malek, A., Mansor, M.A. (2021): Pedagogi responsif budaya menerusi cerita rakyat untuk kemahiran literasi awal kanak-kanak. – Sains Insani 6(1): 91-98.
[10] Rahman, M.N.A., Md Nor, M., Darus, R., Mohd Noor, A.S., Daud, A., Lintang, R., Muhamad, N.A. (2017): Cerita rakyat Orang Asal Sabah sebagai medium pembelajaran asas literasi: Analisis keperluan. – Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik 5(4): 26-30.
[11] Ridhwan, A. (2021): Genius naratif dan genius pemikiran dalam dua karya sastera lisan Melayu. – International Journal of Creative Industries (IJCREI) 3(8): 63-73.
[12] Rusli, H.M. (2018): Adaptasi kesusasteraan rakyat cerita jenaka Melayu dalam karya seni cetakan kontemporari. – Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim 100p.
[13] Supriadi, A. (2014): Memahami puisi “Idul Fitri” dengan Teori Takmilah. – Sirok Bastra 2(1): 35-44.
[14] Usman, H., Azmi, U., Ahmad, Z., Wan Hasbullah, W.M.D. (2014): Mitos harimau dalam tradisi lisan masyarakat Kerinci di Jambi. – Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS) 25(1): 24-44.
[15] Yaacob, M.F.C. (2021): Seuntaian naratif lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan. – Penerbit UMK, Kelantan 100p.
[16] Yaacob, M.F.C., Tuan Adnan, T.S.N.S. (2023): The research on the reading in Malay folklore as a learning and teaching medium among students at the University Malaysia Kelantan through the Kahoot application. – International Journal of Multidisciplinary Research and Growth Evaluation 4(5): 975-978.
[17] Yaacob, M.F.C., Tuan Adnan, T.S.N.S., Raja Hassan, T.R., Hasan, N., Yusuff, N.A., Mohamad, N. (2024): Moral values in Malay folklore: Perspectives of learners. – Synesis 16(2): 90-107.